



## GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

### Triniti 3 - 21 Jun 2026

#### Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau telah hancurkan pemerintahan dosa dan telah mengutus Roh Anak-Mu ke dalam hati kami dan kerana-Nya kami memanggil Engkau Bapa. Berikan kami anugerah untuk menyerahkan kebebasan kami kepada pelayanan-Mu, supaya semua bangsa dibawa kepada kemerdekaan yang mulia kepunyaan anak-anak Allah, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Matius 10:32-39

Bacaan Responsif - Mazmur 103:1-13



## SEPERTI BAPA

terhadap anak-anaknya ...

1 Tesalonika 2:11

**“Yesus, terima kasih atas semua bapa,  
baik bapa jasmani mahupun bapa rohani.”**

Kebaktian BM disiarkan secara langsung, 11:30 pagi.:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

### 1. SELAMAT HARI BAPA

Selamat Hari Bapa kepada semua bapa. Semoga Allah mengurniakan kesihatan, kekuatan dan hikmat untuk memimpin, menjaga serta menyediakan keperluan keluarga. Kepada para datuk, semoga terus menikmati hasil jerih payah dan sukacita dalam kehidupan berkeluarga.

Namun, tidak semua orang pernah merasai kasih seorang bapa yang baik atau kehangatan sebuah keluarga yang penuh kasih. Biarlah gereja menjadi keluarga bagi mereka. Rasul Paulus menggambarkan hubungannya dengan jemaat di Tesalonika “seperti bapa terhadap anak-anaknya” (1 Tesalonika 2:11). Kiranya kita semua dapat menikmati kehidupan sebagai satu keluarga dalam gereja, dengan Allah sebagai Bapa kita di syurga.

Hadiah sempena Hari Bapa disediakan untuk semua lelaki yang sudah berkahwin, khususnya para bapa.

### 2. HARI HA-HA

Petang ini, pukul 2:30 pm – Acara tahunan keluarga sempena sambutan ulang tahun gereja. Lebih 250 orang daripada tiga sidang jemaat telah mendaftar. Marilah hadir untuk memeriahkan dan memberi sokongan, walaupun anda tidak mengambil bahagian dalam permainan.

### 3. TERIMA KASIH

Terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama meraikan ulang tahun ke-57 gereja kita pada Ahad yang lalu. Kami juga merakamkan penghargaan kepada Bishop Datuk Melter Jiki Tais yang telah mendedikasikan Bangunan Kediaman Staf. Bangunan Paviliun turut didedikasikan oleh beliau sempena ulang tahun ke-50 gereja kita. Segala kemuliaan bagi Allah.



### 4. KELAS-KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN

Kelas-kelas telah bermula mengikut ketetapan berikut:

- Bahasa Cina:
  - Sab & Ahd, 10:00 pg, ARK; Rab, 8:00 mlm
- Bahasa Inggeris, pejabat gereja:
  - Sel, 8:00 mlm; Jum, 7:30 mlm; Sab, 9:30 pg
- Bahasa Melayu, pejabat gereja:
  - Ahd, 9:30 pg; Sab, 3:30 ptg; Sab, 7:00 mlm

Kelas-kelas ini membantu para calon untuk memahami iman Kristian dan menghidupi kehidupan sebagai seorang Kristian.

## 5. PERJALANAN PEMURIDAN

Sepanjang musim Trinitas ini (sehingga Adventus), beberapa inisiatif akan dijalankan untuk membantu kita bertumbuh sebagai murid-murid Yesus.

- CH - Seminar dan aktiviti berkala berkaitan isu-isu yang relevan kepada komuniti, termasuk penuaan aktif, mengelakkan penipuan, penjagaan kanak-kanak istimewa, kelas masakan Korea dan lain-lain. Program-program ini juga menjadi peluang untuk membina hubungan dengan rakan-rakan, khususnya mereka yang belum mengenal Kristus.
- EN - Program yang serupa seperti di atas dalam Bahasa Inggeris. Selain itu, satu Konferensi Alkitab akan diadakan pada bulan Ogos.
- BM - Sesi pengajaran dan aktiviti, khususnya untuk pelajar kampus, yang memberi tumpuan kepada **Faith** (Iman), **Friends** (Persahabatan), **Finance** (Kewangan), **Food** (Makanan) dan **Fun** (Hiburan).

Doakan semua yang sedang merancang dan melaksanakan program-program ini agar melalui usaha tersebut, kita semakin bertumbuh dalam pemuridan kita kepada Kristus.

## 6. VAN GEREJA BAHARU

Gereja kita memerlukan sebuah van baharu. Kedua-dua van yang digunakan pada masa ini telah lama berkhidmat, dan keselamatan para penumpang sentiasa menjadi keutamaan kita. Jika Tuhan menggerakkan hati anda, kami mengalu-alukan sumbangan bagi membantu pembelian van gereja yang baharu. Sila nyatakan "Van Gereja" semasa memberi.

Sementara itu, syukur kepada Tuhan kerana sasaran RM10,000 untuk membantu Gereja Anglikan Rangsit, Thailand, membeli van baharu telah berjaya dicapai. Terima kasih atas kemurahan hati dan sokongan semua.

## 7. PELAYANAN LAINNYA

- 25 Jun, Khamis ini - **Perjamuan Kudus Rumah**. Hubungi pejabat gereja.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan Bunga** hari ini disumbangkan oleh Jeffrey Chen & keluarga.

## 8. UCAPAN TAKZIAH

Dengan penuh dukacita, kami merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Puan Chin Mei Fuen @ Mimi, 75 tahun, yang telah kembali ke pangkuan Tuhan pada 18 Jun. Marilah kita mendoakan agar Tuhan menghiburkan dan menguatkan keluarga yang ditinggalkan.

Kebaktian pengebumian akan diadakan pada 22 Jun, jam 9:30 pg di gereja.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



## 'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Jun 22	1 Yoh 5	Mz 9	Jum, Jun 26	Why 1	Mz 13
	Sel, Jun 23	2 Yoh 1	Mz 10	Sab, Jun 27	Why 2	Mz 14
	Rab, Jun 24	3 Yoh 1	Mz 11	Ahd, Jun 28	Why 3	Mz15
	Kha, Jun 25	Yudas 1	Mz 12			

Mazmur 103 – “Seperti Seorang Bapa” Untuk renungan & perbincangan

- Kongsikan satu peristiwa yang spesifik dan tidak dapat dilupakan, ketika anda merasai rasa syukur atau kelegaan yang sangat mendalam.
- Ayat 1–2 Kepada siapakah pemazmur (penulis mazmur) sedang berbicara? Apa manfaat kita selalu mengingat kebaikan Tuhan kepada kita? Apa yang terjadi kalau kita tidak melakukannya?
- Ayat 8–10 Bagaimanakah Tuhan digambarkan dalam petikan ini? Sifat Tuhan yang manakah paling menguatkan anda pada tahap hidup anda sekarang? Mengapa?  
Ayat 11–12 Bahagian ini tentang pengampunan Tuhan. Bagaimanakah Tuhan mengampuni kita? Bagaimana kita boleh mengalami pengampunan-Nya?
- Ayat 13 Bagaimanakah seorang bapa menunjukkan kebaikan kepada anak-anaknya? Dalam cara apa kita sebagai anak-anak Tuhan telah mengalami kebaikan-Nya?
- Tidak semua orang mempunyai pengalaman bapa yang baik. Ada yang mempunyai perasaan negatif terhadap bapa atau keluarga. Bagaimana gereja sebagai keluarga Tuhan boleh menjangkau mereka? Cadangkan cara praktikal.
- Berhenti sejenak; berdoalah untuk keluarga anda serta keluarga gereja.

### UNTUK DIDOAKAN

#### **Keluarga yang Kita Kasih**

- Berdoa agar keluarga kita sentiasa berada dalam kasih dan pemeliharaan Allah Bapa. Bersyukur bagi semua bapa, dan berdoa agar Tuhan mengurniakan mereka hikmat, kekuatan dan kasih untuk memimpin serta menjaga keluarga mereka.

#### **Gereja yang Kita Kasih**

- Berdoa agar gereja menjadi satu keluarga yang bertumbuh dalam kasih Bapa Syurgawi, serta menjadi tempat pemulihan bagi mereka yang terluka dan memerlukan kasih, pengampunan serta penerimaan.

#### **Diri sendiri**

- Berdoa agar kita sentiasa menghargai kebaikan Allah Bapa kita, dan menjadi saluran kasih-Nya kepada orang lain.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.